

09 NOV 2003

Samy-Pandithan/I

SAMY VELLU BERI AMARAN KEPADA PANDITHAN SUPAYA JANGAN MAIN API

SHAH ALAM, 9 Nov (Bernama) -- Presiden, MIC Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini menamatkan Persidangan Jentera Pilihan Raya parti dengan nada berang semasa memberi amaran keras kepada Presiden Barisan Progresif India (IPF), Datuk M.G. Pandithan supaya jangan bermain api.

"Selama ini saya mengambil sikap berdiam diri dan bersabar terhadap setiap komennya. Saya ingin ingatkan Pandithan supaya berhenti daripada bermain api atau dia akan terbakar," katanya dihadapan lebih 8,500 pemimpin MIC di semua peringkat yang hadir pada persehari itu, di sini.

Menteri Kerja Raya itu mengeluarkan amaran sebagai membalas seruan perwakilan yang hadir supaya dikenakan tindakan keatas Pandithan dan Editor sebuah akhbar berbahasa Tamil yang mengkritik Samy Vellu, meminta supaya beliau meletak jalan untuk memberi laluan kepada pemimpin muda.

Perwakilan juga menuduh akhbar itu membantu Pandithan dalam menggesa supaya Samy meletak jawatan, disamping mendakwa akhbar terbabit mempersoalkan keikhlasan Samy dalam membantu masyarakat India sebagai Presiden MIC dan Menteri Kerja Raya.

Samy dan Pandithan sudah lama berselisih faham sejak Pandithan menubuhkan IPF selepas disingkir dari MIC pada 1988, dan bulan lepas Pandithan menyeru supaya Samy meletak jawatan sebagai mengikut seruan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kepada pemimpin veteran komponen parti Barisan Nasional supaya mengundur diri apabila tiba masanya.

Naib Presiden parti, Datuk S. Veerasingham, Datuk G. Palanivel dan Tan Sri K.S. Nijhar sudah menyoal sokongan kepada Samy Vellu untuk terus mengekalkan jawatannya dalam parti, namun Timbalan Presiden MIC, Datuk S. Subramaniam, bagaimanapun belum berbuat demikian.

"Saya tidak marah dengan kenyataan Subramaniam sejak minggu lepas. Saya terima kira-kira 3,000 pesanan ringkas (SMS) meminta supaya saya meneruskan tugas. Saya tahu saya ada sokongan, saya tidak perlu risau mengenainya," kata Samy.

Samy Vellu berkata 56 cawangan MIC ingin membawa usul supaya meminta beliau terus memimpin parti, tapi menurutnya "saya ketepikannya".

Katanya beliau melarang supaya usul itu dibentangkan kerana ia akan terkeluar dari landasan asal persidangan itu yang seharusnya lebih bertumpu kepada isu pilihan raya umum.

Terdahulu, 4,300 pengerusi cawangan MIC meluluskan dua usul, iaitu menyokong kepimpinan Perdana Menteri yang baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dan mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir atas sumbangan besarnya kepada negara dan rakyat sepanjang 22 tahun memegang jawatan sebagai Perdana Menteri.

Dalam ucapannya yang berkobar-kobar, Samy berkata Pandithan telah berbohong kepada pihak istana untuk mendapatkan anugerah kepada editor akhbar berbahasa Tamil

"Saya boleh buktikan Pandithan berbohong kepada pihak istana... editor terbabit boleh dakwa saya, tapi saya ada bukti. Pandithan harus berterus terang dan bukannya cuba memecah belahkan MIC,

"Apa hak dia minta saya berhenti. Saya presiden MIC yang dilantik. Saya boleh tampil untuk menyatakan perkawa ini sebelum ini, tapi saya pilih untuk gunakan platform ini," katanya.

"Saya mahukan supaya pemimpin MIC di semua peringkat untuk berada di sini untuk memberi respon kepada kenyataan Pandithan," katanya.

-- BERNAMA

SR AZH